



**PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA**

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra@mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (38)

**KENYATAAN MEDIA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA) PERKUKUH
KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA (SPRM) PASTIKAN GERAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT INDIA
BEBAS KETIRISAN**

PUTRAJAYA, 9 Januari 2026 – MITRA hari ini menegaskan komitmen berterusan untuk memastikan setiap peruntukan kerajaan bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India diuruskan dengan tatakelola terbaik dan telus bagi mengelakkan sebarang ruang penyelewengan.

Ketua Pengarah MITRA, YBrs. Tuan Prabakaran Ganapathy berkata, sebagai agensi yang diamanahkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India, khususnya Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40), dalam aspek pendidikan, keusahawanan, dan kebajikan sosial. MITRA telah melaksanakan pembaharuan drastik dalam proses kerja, terutamanya dalam aspek pemberian dan pemantauan geran bagi memastikan dana tersebut benar-benar sampai kepada golongan sasaran yang memerlukan yang selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang meletakkan nilai integriti dan ketelusan sebagai tunjang utama pentadbiran negara

“Kita mahu setiap pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bekerjasama dengan MITRA memahami bahawa integriti bukan sekadar slogan, tetapi tanggungjawab yang wajib dipikul. Kerjasama erat dengan SPRM melalui program hari ini adalah bukti bahawa MITRA amat serius dalam menutup ruang kepada sebarang bentuk tuntutan palsu atau salah guna kuasa yang pernah berlaku sebelum ini,” katanya ketika berucap pada Simposium Antirasuah Pengurusan Dana Pembangunan Sosioekonomi Komuniti India Anjuran Bersama MITRA dan SPRM 2026 di Kompleks F, hari ini.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS) SPRM, YBhg. Datuk Ahmad Nizam bin Ismail. Hadir sama dan berkongsi pengalaman dalam sesi forum antirasuah ialah Pengarah SPRM Pulau Pinang, YBhg. Datuk Karunanithy Y. Subbiah.

Dalam majlis yang sama, Pengarah PENMAS SPRM memuji langkah proaktif MITRA yang kini menjadi contoh organisasi yang berjaya melakukan transformasi tatakelola. Beliau turut mengingatkan para peserta supaya melaksanakan program-program mengikut tatakelola dan peraturan kewangan yang ditetapkan bagi memastikan anak-anak India menerima manfaat sepertimana yang dirancang.

Simposium ini dihadiri sebanyak 400 wakil pertubuhan masyarakat sivil dan NGO India yang merupakan rakan strategik MITRA. Selain daripada sesi perkongsian mengenai risiko perundangan di bawah Akta SPRM 2009, program juga menampilkan YBhg. Datuk Karunanithy Y. Subbiah dan YBrs. Tuan Prabakaran Ganapathy dalam forum antirasuah mengenai pengurusan dana dan tatakelola persatuan.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
9 JANUARI 2026**